

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]**

**SOALAN : 221**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah pencapaian terkini daripada segi *Service Roll-out* yang terjadual bagi Altel Communications Sdn. Bhd. dalam pelaksanaan 4G/LTE dan MyTV Broadcasting Sdn. Bhd. dalam pelaksanaan *Digital Terrestrial Television*.

**JAWAPAN :**

Yang Berhormat,

Bagi tahun pertama pelaksanaan 4G-LTE setakat 31 Disember 2013, Altel Communications Sdn. Bhd. (ambil alih daripada Puncak Semangat), telah melaksanakan *Service Roll-out* sebanyak 35.16% iaitu 180 tapak infrastruktur berbanding sasaran 512 tapak.

**NO. SOALAN: 221**

Buat masa ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam proses memuktamadkan penilaian Laporan Kemajuan terkini 31 Disember 2014 daripada Altel Communications Sdn. Bhd mengenai pelaksanaan dan komitmen pemberi perkhidmatan terhadap Pelan Perniagaan Terperinci (PPT) tersebut.

MyTV akan mengagihkan sebanyak 2 juta unit *Customer Premise Equipment* (CPE) secara berfasa dan proses ini telah bermula sejak bulan Jun 2015. CPE ini terdiri daripada *Set Top Box*, *Remote Control Unit* (RCU) dan *Aerial TV*. Pemberian fasa pertama ini adalah bagi tujuan penerimaan siaran percubaan di kawasan pantai timur. Pengagihan ini tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan.